

PENGUASAAN PELAJAR POLITEKNIK TERHADAP KURSUS TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA (TITAS)

NOR HAYATI FATMI TALIB, BANI HIDAYAT MOHD SHAFIE,
SARIMAH MOKHTAR, AHMAD TARMIZI TALIB & AB. HALIM TAMURI

ABSTRAK

Kajian rintis ini adalah satu kajian rintis secara tinjauan yang bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar Diploma Lanjutan semester pertama terhadap penguasaan ilmu bagi kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di dua buah politeknik KPTM. Pelajar yang terlibat adalah 33 orang pelajar yang merupakan populasi keseluruhan pelajar Diploma Lanjutan yang terdapat di kedua politeknik yang menjadi lokasi kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap tahap penguasaan ilmu adalah tinggi bagi hampir kesemua objektif penawaran kursus kecuali bagi objektif keempat yang mendapat skor sederhana tinggi. Analisa perbandingan persepsi antara kedua buah politeknik terhadap tahap penguasaan ilmu bagi kursus TITAS menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari kesemua aspek objektif kursus.

Kata Kunci: Kursus TITAS, Persepsi, Politeknik

ABSTRACT

This study is a pilot study through survey that aimed to identify the perceptions of students Advanced Diploma semester one at the acquisition of knowledge for the Islamic and Asia Civilization (TITAS) course in two polytechnics KPTM. Students involved were 33 students, which is the total student population of the Advanced Diploma in the polytechnics at the study location. The result showed that the perception of the level of knowledge is high for almost all the objectives of the program except for the fourth with a score of average high. Comparative analysis of perception between the two polytechnics to the level of knowledge for the 'TITAS' course showed no significant difference from all aspects of the course objectives.

Keywords: Titas Course, Perception, Politechnic

PENGENALAN

Kajian ini mengupas persepsi pelajar Diploma Lanjutan di dua buah Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM), iaitu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Selangor dan Politeknik Sultan Azlan Shah di Perak. Menurut Weinstein & Mayer (1985) persepsi pelajar adalah suatu pemboleh ubah yang penting kerana ia boleh mengubah cara belajar seorang pelajar. Pandangan tersebut diperkukuhkan oleh Costin et.al (1972), di mana kajian mereka mendapati bahawa persepsi pelajar boleh memberikan kebolehpercayaan dan kesahan maklumat bagi menghasilkan pengajaran yang berkualiti.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini bermula dengan lima persoalan kajian yang penting seperti berikut:

1. Apakah tahap penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar di bawah objektif 1 kursus TITAS?
2. Apakah tahap penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar di bawah objektif 2 kursus TITAS?
3. Apakah tahap penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar di bawah objektif 3 kursus TITAS?
4. Apakah tahap penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar di bawah objektif 4 kursus TITAS?
5. Apakah tahap penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar di bawah objektif 5 kursus TITAS?

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengumpul data mengenai pandangan dan pendapat pelajar semester satu yang mengikuti kursus di peringkat Diploma Lanjutan di dua buah Politeknik KPTM. Persepsi pelajar merangkumi aspek berikut:

1. Mengenal pasti tahap penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar di bawah objektif 1 kursus TITAS
2. Mengenal pasti tahap penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar di bawah objektif 2 kursus TITAS
3. Mengenal pasti tahap penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar di bawah objektif 3 kursus TITAS
4. Mengenal pasti tahap penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar di bawah objektif 4 kursus TITAS
5. Mengenal pasti tahap penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar di bawah objektif 5 kursus TITAS

METODOLOGI

Kajian ini melibatkan 33 orang pelajar (populasi) semester satu program Diploma Lanjutan yang sedang mengambil kursus TITAS di dua buah Politeknik KPTM. Satu instrumen soal selidik bercorak tinjauan atau survei telah dibina dan ditadbirkan sendiri oleh penyelidik. Pekali alpha Koeffisien Cronbach digunakan telah diklasifikasikan mengikut indeks kebolehpercayaan oleh Norizan (2003) dan Azhar (2006) seperti berikut :

Indikator	Nilai Alpha Cronbach
Sangat Tinggi	> 0.90
Tinggi	0.70 – 0.89
Sederhana	0.30 – 0.69
Rendah	0.30

Hasil analisis kebolehpercayaan instrumen ini secara keseluruhan adalah seperti berikut:

Cronbach's Alpha	Standardized item alpha	N of Items
0.9865	0.9866	90

Proses pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan sendiri oleh pengkaji. Responden iaitu pelajar telah diberikan masa 45 minit untuk menjawab dan tidak membanding-bandingkan jawapan mereka dengan kawan mereka untuk ketelusan dapatan kajian. Pelajar turut diingatkan supaya memberikan jawapan dengan jujur kerana ia memberikan kesan kepada dapatan kajian. Selain daripada itu, pelajar diingatkan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran dalam kajian ini yang berkaitan dengan pelaksanaan kursus TITAS sahaja. Data diproses menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 18.0.

PERSEMBAHAN DATA DAN ANALISIS DATA

Dapatan kajian yang dibentangkan merangkumi beberapa aspek penting seperti berikut:

1. Profil Responden
2. Tahap penguasaan ilmu di kalangan pelajar di bawah objektif 1 kursus TITAS
3. Tahap penguasaan ilmu di kalangan pelajar di bawah objektif 2 kursus TITAS
4. Tahap penguasaan ilmu di kalangan pelajar di bawah objektif 3 kursus TITAS
5. Tahap penguasaan ilmu di kalangan pelajar di bawah objektif 4 kursus TITAS
6. Tahap penguasaan ilmu di kalangan pelajar di bawah objektif 5 kursus TITAS

Profil Responden

Dari sesi profil responden kajian mengikut politeknik, umur, jantina dan latar belakang pendidikan menengah adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Profil Responden

BIL	PERKARA	KATEGORI	Kekerapan	Peratus
1	POLITEKNIK	Politeknik Sultan Azlan Shah	15	45.5
		Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	18	54.5
2	GENDER	Lelaki	27	81.8
		Perempuan	6	18.2
3	AGAMA	Islam	30	90.9
		Bukan Islam	3	9.1
4	PENDIDIKAN MENENGAH	SMKA	1	3.0
		SMK	18	54.5
		SMT/V	14	42.4
		JUMLAH	33	100

Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan 33 orang pelajar dari program Diploma Lanjutan Semester Pertama. Seramai 33 orang responden ini merupakan keseluruhan populasi pelajar di kedua-dua politeknik yang menjadi lokasi kajian ini. Majoriti responden terdiri daripada pelajar lelaki dan beragama Islam. Majoritinya turut mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Teknik atau Vokasional.

ANALISIS DESKRIPTIF

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk melaporkan dapatan menggunakan peratus, min dan sisihan piawai. Min yang diperoleh ditafsirkan menggunakan cara interpretasi dapatan statistik deskriptif yang dicadangkan oleh Norasmah (2001) dan Azhar (2006) seperti jadual 1 berikut :

Jadual 2 : Interpretasi Skor Min Bagi Melaporkan Dapatan Deskriptif Statistik

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Azhar (2006) dan Norasmah (2001)

Bagi menjelaskan tahap pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran ini, skala Likert 1 hingga 5 digunakan berdasarkan keterangan berikut:

1. Sangat Tidak Setuju
2. Tidak Setuju
3. Kurang Setuju
4. Setuju
5. Sangat Setuju

Tahap Penguasaan Ilmu dalam kalangan Pelajar di bawah Objektif 1 Kursus TITAS

Antara tujuan kajian ini adalah untuk melihat tahap penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar di bawah objektif pertama penawaran kursus TITAS berdasarkan persepsi pelajar Diploma Lanjutan. Objektif pertama tersebut adalah pelajar dapat menjelaskan konsep Tamadun Asia, faktor-faktor pembinaan dan keruntuhannya. Jadual 3 di bawah menunjukkan tahap persepsi tersebut.

**Jadual 3: Tahap Penguasaan Ilmu Di Bawah Objektif Pertama
Penawaran Kursus TITAS**

Item	Min	SP	Interpretasi
Saya boleh menjelaskan konsep tamadun Asia, faktor-faktor pembinaan dan keruntuhannya.	4.09	0.77	Tinggi
Saya boleh membezakan interaksi yang berlaku antara tamadun Asia	4.12	0.60	Tinggi
Saya boleh menyenaraikan tamadun peribumi di Malaysia	4.06	0.61	Tinggi
Saya boleh mengenal pasti kelemahan dan kekuatan antara tamadun Asia	4.24	0.56	Tinggi
Saya boleh merumuskan permasalahan dan cabaran kontemporari dan masa depan kepada tamadun manusia.	4.03	0.64	Tinggi
Saya boleh mendefinisikan pengertian tamadun	4.30	0.59	Tinggi
Saya boleh menjelaskan hubungan tamadun dengan agama	4.18	0.53	Tinggi
Saya boleh menjelaskan hubungan tamadun dengan budaya	4.21	0.55	Tinggi
Saya boleh menjelaskan hubungan tamadun dengan bangsa	4.18	0.53	Tinggi
Saya boleh menyatakan ciri-ciri utama tamadun	4.18	0.58	Tinggi
Saya boleh menyenaraikan faktor-faktor pembinaan tamadun Asia	4.03	0.64	Tinggi
Saya boleh menyenaraikan faktor-faktor keruntuhan tamadun Asia	4.00	0.66	Tinggi
Keseluruhan	4.14	0.50	Tinggi

Skor min yang tertinggi bagi tahap penguasaan ilmu pelajar aspek konsep Tamadun Asia, faktor-faktor pembinaan dan keruntuhannya adalah 4.30, iaitu pada tahap tinggi bagi item kebolehan mendefinisikan pengertian tamadun. Skor min terendah pula adalah 4.00, iaitu pada tahap sederhana tinggi bagi item kebolehan menyenaraikan faktor-faktor keruntuhan tamadun Asia. Secara keseluruhannya, bagi penguasaan ilmu pelajar aspek konsep Tamadun Asia, faktor-faktor pembinaan dan keruntuhannya adalah skor min 4.14, iaitu berada pada tahap tinggi.

Tahap penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar di bawah objektif 2 kursus TITAS

Kajian ini juga melihat persepsi pelajar terhadap tahap penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar di bawah objektif kedua penawaran kursus TITAS. Objektif kedua tersebut adalah pelajar dapat membezakan interaksi yang berlaku antara tamadun. Jadual 4 menunjukkan tahap persepsi pelajar Diploma Lanjutan dalam aspek penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar di bawah objektif kedua penawaran kursus TITAS.

**Jadual 4: Tahap Penguasaan Ilmu Di Bawah Objektif Kedua
Penawaran Kursus TITAS**

Item	Min	SP	Interpretasi
Saya boleh menyatakan kepentingan interaksi antara tamadun	4.09	0.63	Tinggi
Saya boleh menjelaskan jenis-jenis interaksi antara tamadun dari aspek fizikal	4.15	0.76	Tinggi
Saya boleh menjelaskan jenis-jenis interaksi antara tamadun dari aspek agama	4.21	0.65	Tinggi
Saya boleh menjelaskan jenis-jenis interaksi antara tamadun dari aspek budaya	4.21	0.65	Tinggi
Saya boleh menjelaskan jenis-jenis interaksi antara tamadun dari aspek teknologi	4.24	0.61	Tinggi
Saya boleh menghuraikan faktor-faktor yang membawa interaksi dari aspek geografi	4.00	0.56	Sederhana Tinggi
Saya boleh menghuraikan faktor-faktor yang membawa interaksi dari aspek perdagangan	4.12	0.60	Tinggi
Saya boleh menghuraikan faktor-faktor yang membawa interaksi dari aspek kepimpinan	4.03	0.59	Tinggi
Saya boleh menghuraikan faktor-faktor yang membawa interaksi dari aspek agama	4.09	0.52	Tinggi
Saya boleh menghuraikan faktor-faktor yang membawa interaksi dari aspek budaya	4.09	0.63	Tinggi
Saya boleh menghuraikan faktor-faktor yang membawa interaksi dari aspek pengalaman sejarah	4.06	0.66	Tinggi
Saya boleh mengesan persamaan yang wujud antara tamadun dari aspek alam sekitar	4.09	0.63	Tinggi
Saya boleh mengesan persamaan yang wujud antara tamadun dari aspek keluarga	4.09	0.58	Tinggi
Saya boleh mengesan persamaan yang wujud antara tamadun dari aspek komuniti	4.12	0.60	Tinggi
Saya boleh mengesan persamaan yang wujud antara tamadun dari aspek kerajaan	4.06	0.61	Tinggi
Saya boleh mengesan persamaan yang wujud antara tamadun dari aspek kegiatan ekonomi	4.06	0.61	Tinggi
Saya boleh mengesan persamaan yang wujud antara tamadun dari aspek pendidikan	4.09	0.58	Tinggi
Saya boleh mengesan persamaan yang wujud antara tamadun dari aspek kesihatan	4.06	0.56	Tinggi
Saya boleh mengesan perbezaan yang wujud antara tamadun dari aspek alam sekitar	4.09	0.58	Tinggi
Saya boleh mengesan perbezaan yang wujud antara tamadun dari aspek keluarga	3.93	0.56	Sederhana Tinggi

Saya boleh mengesan perbezaan yang wujud antara tamadun dari aspek komuniti	4.00	0.50	Sederhana Tinggi
Saya boleh mengesan perbezaan yang wujud antara tamadun dari aspek kerajaan	4.03	0.59	Tinggi
Saya boleh mengesan perbezaan yang wujud antara tamadun dari aspek kegiatan ekonomi	4.12	0.60	Tinggi
Saya boleh mengesan perbezaan yang wujud antara tamadun dari aspek pendidikan	4.09	0.58	Tinggi
Saya boleh mengesan perbezaan yang wujud antara tamadun dari aspek kesihatan	4.09	0.58	Tinggi
Saya boleh memberikan contoh interaksi antara tamadun Melayu, India dan Cina.	4.03	0.64	Tinggi
Keseluruhan	4.09	0.48	Tinggi

Skor min adalah tinggi bagi kebanyakan item kebolehan pelajar dalam penguasaan ilmu aspek membezakan interaksi yang berlaku antara tamadun. Skor min tertinggi adalah 4.24 bagi item pelajar boleh menjelaskan jenis-jenis interaksi antara tamadun dari aspek teknologi dan skor min terendah adalah 3.93, iaitu pelajar boleh mengesan perbezaan yang wujud antara tamadun dari aspek keluarga. Secara keseluruhannya skor min adalah berada pada tahap tinggi, iaitu 4.09.

Tahap penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar di bawah objektif 3 kursus TITAS

Dari segi tahap penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar di bawah objektif ketiga pula, Jadual 5 di bawah menunjukkan tahap persepsi pelajar Diploma Lanjutan dalam aspek yang dikaji. Objektif ketiga penawaran kursus TITAS adalah pelajar dapat menyenaraikan tamadun peribumi di Malaysia.

Jadual 5: Tahap Penguasaan Ilmu Di Bawah Objektif Ketiga Penawaran Kursus TITAS

Item	Min	SP	Interpretasi
Saya boleh menyatakan pengertian istilah peribumi	4.12	0.60	Tinggi
Saya boleh menjelaskan latar belakang peribumi dari sudut pra sejarah	4.03	0.64	Tinggi
Saya boleh menjelaskan latar belakang peribumi dari sudut sejarah	4.15	0.67	Tinggi
Saya boleh menyatakan klasifikasi peribumi	4.00	0.71	Sederhana Tinggi
Saya boleh menghuraikan kedudukan masyarakat peribumi kini	4.00	0.56	Sederhana Tinggi
Saya boleh memberi pandangan tentang pembangunan masyarakat peribumi	4.00	0.61	Sederhana Tinggi
Saya boleh memberi pendapat tentang kedudukan masyarakat peribumi terhadap cabaran globalisasi	4.15	0.57	Tinggi
Keseluruhan	4.06	0.51	Tinggi

Skor min adalah tinggi bagi kebanyakan item kebolehan pelajar dalam penguasaan ilmu aspek pelajar dapat menyenaraikan tamadun peribumi di Malaysia. Skor min tertinggi adalah 4.15 bagi item pelajar boleh menjelaskan latar belakang peribumi dari sudut sejarah dan pelajar boleh memberi pendapat tentang kedudukan masyarakat peribumi terhadap cabaran globalisasi. Skor min terendah adalah 4.00, iaitu pelajar boleh menyatakan klasifikasi peribumi, pelajar boleh memberi pandangan tentang pembangunan masyarakat peribumi dan pelajar boleh memberi pandangan tentang pembangunan masyarakat peribumi. Secara keseluruhannya skor min adalah berada pada tahap tinggi, iaitu 4.06.

Tahap penguasaan ilmu di kalangan pelajar di bawah objektif 4 kursus TITAS

Kajian ini juga melihat persepsi pelajar terhadap tahap penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar di bawah objektif keempat penawaran kursus TITAS. Objektif keempat tersebut adalah pelajar dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan antara tamadun Asia. Jadual 6 di bawah menunjukkan tahap persepsi pelajar Diploma Lanjutan dalam aspek penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar di bawah objektif keempat penawaran kursus TITAS

Jadual 6: Tahap Penguasaan Ilmu Di Bawah Objektif Keempat Penawaran Kursus TITAS

Item	Min	SP	Interpretasi
Saya boleh menyatakan pandangan asas tamadun Melayu	4.09	0.58	Tinggi
Saya boleh menyatakan pusat-pusat tamadun Melayu	4.15	0.57	Tinggi
Saya boleh menerangkan pusat-pusat tamadun Melayu	4.12	0.60	Tinggi
Saya boleh menyatakan pengaruh Islam dalam tamadun Melayu	4.03	0.59	Tinggi
Saya boleh menjelaskan sejarah pentadbiran tradisional Melayu	4.06	0.66	Tinggi
Saya boleh menjelaskan sejarah perundangan tradisional Melayu	3.97	0.59	Sederhana Tinggi
Saya boleh membezakan kolonialisme dan sekularisme	4.09	0.58	Tinggi
Saya boleh merumuskan peranan tamadun Melayu dalam pembinaan negara Malaysia	3.97	0.68	Sederhana Tinggi
Saya boleh menerangkan kemunculan awal tamadun India	3.88	0.70	Sederhana Tinggi
Saya boleh menjelaskan zaman sejarah awal tamadun India	3.85	0.67	Sederhana Tinggi
Saya boleh menjelaskan zaman pertengahan tamadun India	3.85	0.62	Sederhana Tinggi

Saya boleh menjelaskan zaman kontemporari/moden tamadun India	3.79	0.65	Sederhana Tinggi
Saya boleh menyenaraikan nilai-nilai utama dalam tamadun India	3.94	0.61	Sederhana Tinggi
Saya boleh menerangkan pengaruh Islam dalam tamadun India	3.88	0.70	Sederhana Tinggi
Saya boleh menerangkan sumbangan/kepentingan tamadun India ke atas tamadun Asia	4.00	0.71	Sederhana Tinggi
Saya boleh menjelaskan latar belakang kemunculan tamadun Cina	4.06	0.70	Tinggi
Saya boleh menerangkan konsep pemikiran dalam tamadun Cina	4.12	0.78	Tinggi
Saya boleh menerangkan konsep agama dalam tamadun Cina	4.03	0.68	Tinggi
Saya boleh menerangkan sistem nilai dalam tamadun Cina	4.03	0.68	Tinggi
Saya boleh menerangkan struktur pemerintahan/pentadbiran tamadun Cina	4.03	0.77	Tinggi
Saya boleh menerangkan perkembangan Islam di Cina	4.12	0.82	Tinggi
Saya boleh menghuraikan implikasi tamadun Cina ke atas tamadun Asia	4.03	0.68	Tinggi
Saya boleh menghuraikan sumbangan tamadun Cina ke atas tamadun Asia	4.03	0.73	Tinggi
Saya boleh menerangkan latar belakang kemunculan tamadun Jepun	4.00	0.61	Sederhana Tinggi
Saya boleh menghuraikan ciri-ciri keunikan tamadun Jepun	4.00	0.71	Sederhana Tinggi
Saya boleh menyenaraikan sistem nilai dalam tamadun Jepun	3.94	0.66	Sederhana Tinggi
Saya boleh menjelaskan institusi-institusi tamadun Jepun	3.82	0.64	Sederhana Tinggi
Saya boleh menerangkan modenisasi tamadun Jepun	3.91	0.68	Sederhana Tinggi
Saya boleh menerangkan hubungan modenisasi Jepun dengan tamadun Barat	4.03	0.68	Tinggi
Saya boleh menghuraikan implikasi tamadun Jepun ke atas tamadun Asia	4.03	0.73	Tinggi
Saya boleh menghuraikan sumbangan tamadun Jepun ke atas tamadun Asia	3.85	0.62	Tinggi
Keseluruhan	4.00	0.50	Sederhana Tinggi

Skor min yang tertinggi bagi tahap penguasaan ilmu pelajar aspek dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan antara tamadun Asia adalah 4.15, iaitu pada tahap tinggi bagi item kebolehan menyatakan pusat-pusat tamadun Melayu. Skor min terendah pula adalah 3.82 iaitu pada tahap sederhana tinggi bagi item kebolehan menjelaskan institusi tamadun Jepun. Secara keseluruhannya, bagi penguasaan ilmu pelajar aspek dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan antara tamadun Asia adalah skor min 4.00, iaitu berada pada tahap sederhana tinggi.

Tahap penguasaan ilmu di kalangan pelajar di bawah objektif 5 kursus TITAS

Dari segi tahap penguasaan ilmu dalam kalangan pelajar di bawah objektif kelima pula, jadual 7 di bawah menunjukkan tahap persepsi pelajar Diploma Lanjutan semester satu dalam aspek yang dikaji. Objektif kelima penawaran kursus TITAS adalah pelajar dapat merumuskan permasalahan dan cabaran kontemporari dan masa depan kepada tamadun manusia.

Jadual 7: Tahap Penguasaan Ilmu Di Bawah Objektif Kelima Penawaran Kursus TITAS

Item	Min	SP	Interpretasi
Saya boleh mengenal pasti kekuatan antara tamadun Asia	3.91	0.72	Sederhana Tinggi
Saya boleh mengenal pasti kelemahan antara tamadun Asia	3.88	0.65	Sederhana Tinggi
Saya boleh memberikan pandangan bagaimana nilai-nilai murni sesuatu tamadun dapat diimplementasikan pada kehidupan manusia	4.06	0.70	Tinggi
Saya boleh memberikan pandangan interaksi asas antara tamadun Asia dengan TITAS	4.18	0.68	Tinggi
Saya boleh memberikan pandangan interaksi asas antara tamadun Asia dengan tamadun Barat	4.06	0.70	Tinggi
Saya boleh memberikan pandangan interaksi asas antara TITAS dengan tamadun Barat	4.03	0.68	Tinggi
Saya boleh mengenal pasti dominasi Barat terhadap politik di abad ke 21	3.79	0.65	Sederhana Tinggi
Saya boleh mengenal pasti dominasi Barat terhadap ekonomi di abad ke 21	3.85	0.62	Sederhana Tinggi
Saya boleh mengenal pasti dominasi Barat terhadap budaya di abad ke 21	3.85	0.71	Sederhana Tinggi
mengenal pasti dominasi Barat terhadap media massa di abad ke 21	3.88	0.60	Sederhana Tinggi
Secara keseluruhan, saya boleh merumuskan kesan Barat terhadap cabaran di abad ke 21	3.82	0.64	Sederhana Tinggi
Keseluruhan	3.94	0.56	Sederhana Tinggi

Skor min adalah sederhana tinggi bagi kebanyakan item kebolehan pelajar dalam penguasaan ilmu aspek merumuskan permasalahan dan cabaran kontemporari dan masa depan kepada tamadun manusia. Skor min tertinggi adalah 4.18 bagi item pelajar boleh memberikan pandangan interaksi asas antara tamadun Asia dengan TITAS dan skor min terendah adalah 3.79 iaitu pelajar boleh mengenal pasti dominasi Barat terhadap politik di abad ke 21. Secara keseluruhannya skor min adalah berada pada tahap sederhana tinggi iaitu 3.94.

PERSEPSI TERHADAP TAHAP PENGUASAAN ILMU MENGIKUT POLITEKNIK

Dari segi persepsi pelajar terhadap tahap penguasaan ilmu melalui pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) berdasarkan politeknik (Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) adalah seperti Jadual 8 di bawah:

Jadual 8: Persepsi Terhadap Tahap Penguasaan Ilmu Mengikut Politeknik

Objektif	Jantina	N	Mean	SD	df	t	Sig
Objektif 1	PSA	15	4.09	0.34	31	-0.893	0.629
	PSAS	18	4.18	0.62			
Objektif 2	PSA	15	4.02	0.42	31	-0.761	0.452
	PSAS	18	4.15	0.53			
Objektif 3	PSA	15	4.05	0.38	31	-0.176	0.862
	PSAS	18	4.08	0.61			
Objektif 4	PSA	15	3.85	0.42	31	-1.621	0.115
	PSAS	18	4.12	0.54			
Objektif 5	PSA	15	3.75	0.62	31	-1.860	0.072
	PSAS	18	4.10	0.46			

Keputusan analisis persepsi pelajar program Diploma Lanjutan semester satu di dua buah politeknik terhadap tahap penguasaan ilmu melalui pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus TITAS berdasarkan politeknik menggunakan ujian T berdasarkan item menunjukkan bahawa keputusan kajian adalah tidak signifikan pada kesemua item iaitu tahap penguasaan ilmu objektif 1 ($t=-0.893$, $df=31$, $p(0.629)>0.05$), tahap penguasaan ilmu objektif 2 ($t=-0.1761$, $df=31$, $p(0.452)>0.05$), tahap penguasaan ilmu objektif 3 ($t=-0.176$, $df=31$, $p(0.862)>0.05$), tahap penguasaan ilmu objektif 4 ($t=-1.621$, $df=31$, $p(0.115)>0.05$) dan tahap penguasaan ilmu objektif 5 ($t=-1.860$, $df=31$, $p(0.072) >0.05$). Dapatan ini menunjukkan bahawa di antara kedua buah politeknik ini, tiada perbezaan persepsi yang signifikan terhadap tahap penguasaan ilmu melalui pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di kalangan pelajar Diploma Lanjutan semester satu.

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa persepsi pelajar Diploma Lanjutan semester pertama terhadap penguasaan ilmu melalui pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus TITAS adalah baik, pelajar secara keseluruhannya menguasai dengan baik objektif pengajaran dan pembelajaran kursus TITAS di kedua politeknik yang menjadi lokasi kajian. Walau bagaimanapun, penambahbaikan terhadap proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran perlu dibuat penambahbaikan dari masa ke masa ke arah menjadikan politeknik sebagai institusi pendidikan bertaraf dunia di samping penambahbaikan aspek-aspek lain yang tidak disentuh dalam kajian ini. Kajian ini hanyalah berbentuk tinjauan, melibatkan jumlah pelajar yang sedikit dan hanya dari kalangan semua pelajar diploma lanjutan di dua buah politeknik. Kajian lanjutan boleh dibuat dengan lebih mendalam untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi tujuan penambahbaikan dari masa ke semasa.

RUJUKAN

- Azhar Ahmad. 2006. *Strategi pembelajaran dan pengaturan sendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah*. Tesis Ph. D, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bryman, A. & Cremer, D. 1999. *Quantitative data analysis with SPSS release 8 for windows, a guide for social scientist*. London & New York : Doutledge.
- Costin, F., Greenough, W.T., & Menges, R.J. 1972. *Student rating of College Teaching: Realibility, validity and Usefulness*. Review of Educational research, 41, 511-535.
- Healey, J. F. Babbie, E. & Halley, F. 1997. *Exploring social issues using SPSS for windows*. London : Pine Forge Press.
- Norasmah Othman. 2001. *Keberkesanan program keusahawanan remaja di sekolah menengah*. Tesis Ph. D. Universiti Putera Malaysia.
- Norizan Abdul Razak. 2003. *Computer competency of in-service ESL teachers in Malaysian secondary school*. Tesis Dr. Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Weinstein, C. E., & Mayer, R.E. 1985. *The teaching of learning strategies*. In M.C. Wittrock (Ed.) *Handbook of research on teaching* (3rd ed.). New York : Macmillan, 315-327.

Profil Penulis

*Nor Hayati Fatmi Talib
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
yati_6709@yahoo.com*

*Bani Hidayat Mohd Shafie
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
bani_3738@yahoo.com*

*Sarimah Mokhtar
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
umimursyid@yahoo.com*

*Ahmad Tarmizi Talib, PhD
Ketua Jabatan,
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan,
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.
tarmizi@putra.upm.edu.my*

*Ab. Halim Tamuri, PhD & Prof Madya
Jabatan Perkaedahan dan Amalan Pendidikan,
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
tamuri67@gmail.com*